

24/06/2001

Penggulungan Presiden penuh motivasi

AHLI Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata ucapan penggulungan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada akhir Perhimpunan Agung Umno semalam, adalah peringatan penuh motivasi.

"Saya berharap selepas berhimpun selama beberapa hari ini, kita akan pulang dengan tanggungjawab yang lebih berat dan merapatkan barisan serta mengelakkan perselisihan," katanya.

Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Tan Sri Mohamad Rahmat, pula berkata perhimpunan kali ini secara tidak langsung mengingatkan ahli parti mengenai tanggungjawab masing-masing.

Beliau berkata, Presiden Umno turut menasihatkan ahli parti dan rakyat mengenai hubungan kaum amat penting kerana Malaysia dibina atas asas perpaduan.

Katanya, Dr Mahathir juga menyentuh mengenai kepentingan pendidikan untuk orang Melayu.

"Dengan pendidikan, orang Melayu dapat memajukan diri dan mengekalkan seberapa lama pemerintahan di negara ini," katanya.

Naib Presiden, Tan Sri Muhamad Mohamad Taib, berkata sebagai arkitek bangsa Malaysia, Dr Mahathir memberi mesej tepat dan mengimbangkan mesej beliau supaya negara ini akhirnya mencapai kejayaan.

"Ucapan beliau itu mesej kepada semua bangsa," katanya.

(END)